

Headline	Cheers carnival to celebrate anniversary (Karnival ceri...		
Date	31. May 2007	Language	MALAY
Media Title	Kosmo	Page No	25
Section	Negara	Article Size	246 cm2
Circulation	40000	Frequency	Daily
Readership	200000	Color	Full Color



Karnival ceria sambut ulang tahun

SEMPENA sambutan ulang tahun ke-25 McDonald's bertapak di Malaysia, sebuah karnival ceria bertemakan *Gaya Hidup Aktif dan Seimbang* telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tema karnival itu sejajar dengan kempen kesedaran mengenai gaya hidup sihat yang merupakan salah satu inisiatif McDonald's di seluruh dunia.

Menurut kenyataan McDonald's, kempen itu mula diperkenalkan sejak tiga tahun lalu dengan tema globalnya - *it's what i eat, and what i do*.

Pelancaran kempen ini telah meningkatkan reputasi organisasi itu sebagai sebuah syarikat yang mengambil berat tentang keadaan kesihatan para pelanggannya.

Karnival terbuka yang diadakan di Berjaya Times Square itu menawarkan pelbagai aktiviti bertenaga dengan deretan gerai-gerai permainan dan makanan oleh McDonald's dan rakan-rakan perniagaannya.

Turut diadakan ialah konsert oleh artis tempatan seperti Ruffedge, VE dan Ferhad.

Acara ini telah menarik ribuan pengunjung yang turut mengambil bahagian dalam pelbagai acara dan pertandingan yang di-

jalankan itu.

"Tujuan karnival ini ialah untuk menggalakkan masyarakat mempraktikkan gaya hidup yang aktif dan seimbang. Ini bermaksud, kita perlu mengimbangi jumlah makanan yang diambil, bersesuaian dengan kadar aktiviti fizikal yang kita lakukan, kata Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar dalam satu kenyataan kepada **KOSMO!**

McDonald's menggunakan tiga cara untuk menjayakan kempen ini iaitu menawarkan pilihan menu yang pelbagai seperti *Grilled Chicken Foldover* dan *Spicy Beef Foldover*; menyediakan saluran untuk mendapatkan maklumat melalui laman web korporat dan menyediakan maklumat tentang khasiat pemakanan di semua restorannya serta menggalakkan aktiviti-aktiviti riadah menerusi acara Larian Hari Olimpik yang diadakan dengan kerjasama Majlis Olimpik Malaysia selama tiga tahun berturut-turut.

"Karnival ini juga merupakan cara kami mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan yang telah menyokong McDonald's di Malaysia selama suku abad," katanya.



MAJLIS ulang tahun ke-25 McDonald's di Malaysia diadakan di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur baru-baru ini.